

13/08/2000

Keluarga Abu Hassan minta henti spekulasi

SHAH ALAM: Keluarga bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar, merayu orang ramai dan media massa memberhentikan spekulasi berhubung peletakan jawatan beliau.

"Berilah kami peluang untuk hidup berkeluarga seperti biasa. Walaupun bapa saya sudah memberikan penjelasan, pelbagai spekulasi masih berterusan," kata anak sulungnya, Nora dalam temubual di kediaman rasmi Menteri Besar di Bukit Megawati di sini, semalam.

Dalam temubual yang turut disertai isteri Abu Hassan, Datin Seri Wan Nor Daud, suami Nora dan setiausaha akhbar Dasuki Karison, Nora berkata bapanya sudah memberikan penjelasan mengenai sebab peletakan jawatan itu.

Abu Hassan ketika mengumumkan peletakan jawatannya Khamis lalu memberikan alasan kesihatan diri dan masa untuk keluarga sebagai alasan beliau berundur setelah tiga tahun dua bulan menerajui kerajaan negeri Selangor.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam reaksi pertamanya Khamis lalu berkata, peletakan jawatan Abu Hassan ialah untuk mengelak pelbagai tohmahan berterusan.

Semalam, Perdana Menteri berkata kes peletakan jawatan Abu Hassan sudah selesai kerana ia bersifat peribadi.

"Peletakan jawatan bapa saya adalah di atas kehendak beliau sendiri dan kami sekeluarga," katanya.

Beliau berkata, bapanya yang sudah berkhidmat 37 tahun dalam politik dan kerajaan, sudah menumpukan masa, perhatian dan tenaga terbaik untuk berbakti kepada masyarakat dan negara.

Berikutan itu, katanya, sudah tiba masanya dalam usia yang menjangkau 60 tahun Abu Hassan memberikan tumpuannya kepada kesihatan diri dan sepenuh perhatian kepada keluarga.

"Saya merayu kepada orang ramai dan media massa supaya menghormati keputusan yang dibuat oleh bapa saya dan keluarga kami," katanya.

(END)